

18/01/2003

Valuecap berhak labur di pasaran saham: PM

Mohd Azlan Jaafar

PENUBUHAN dan operasi Valuecap Sdn Bhd (Valuecap) membeli saham di pasaran modal tidak melanggar undang-undang atau bertujuan menyelamatkan individu tertentu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, syarikat itu mempunyai hak untuk melabur dalam pasaran saham selain melindungi kepentingan pelaburan kerajaan dalam banyak syarikat.

Perdana Menteri berkata, jika ada pihak cuba menekan harga saham ke paras rendah, Valuecap mempunyai hak untuk membeli saham terbabit.

"Mereka (Valuecap) bukan penjenayah. Mereka mematuhi undang-undang dan apa yang dibenarkan pasaran saham," katanya pada sidang akhbar selepas pelancaran IventQjaya Fast Track di Putrajaya, semalam.

Perdana Menteri ditanya sama ada kegiatan Valuecap itu menyalahi undang-undang atau tidak beretika kerana menumpukan kepada saham yang dimiliki agensi berkaitan kerajaan.

Valuecap yang dimiliki bersama Khazanah Nasional Bhd, Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen mempunyai dana berjumlah RM10 bilion.

Syarikat itu terbabit membeli saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sejak seminggu lalu bagi menyokong harga saham terutama dalam syarikat yang dimiliki kerajaan atau agensi berkaitan.

Bagaimanapun media asing dan pelabur Barat menganggap tindakan itu bertujuan menyelamatkan individu tertentu selain kegiatan Valuecap dianggap tidak telus.

Kemarahan pelabur luar itu berikutan keupayaan Valuecap mengekang kegiatan spekulator yang mengaut keuntungan mudah menerusi menekan dan meningkatkan harga saham tanpa mengambil kira nilai dan keuntungan sebenar syarikat di BSKL.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan juga tidak mempedulikan kritikan yang dilemparkan terhadap Malaysia berhubung penubuhan Valuecap walaupun agensi sama yang diwujudkan kerajaan Hong Kong, gagal.

"Tidak mengapa jika Hong Kong gagal tetapi mereka keluar dari pasaran saham dengan sangat banyak wang.

"Kita melakukan banyak benda yang dibidas semua orang sebagai penjenayah, untuk memusnahkan pasaran saham atau memburukkan negara sendiri.

"Kita akan lihat sama ada Valuecap adalah sesuatu yang buruk untuk Malaysia atau tidak," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga ditanya wartawan agensi berita asing mengenai saham yang dibeli Valuecap dan apa yang dilakukan dengan keuntungan yang diperoleh hasil pelaburan berkenaan.

"Saya tidak tahu. Ia terpulang kepada Valuecap. Saya tidak mentadbir

Valuecap," katanya.